

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

BSN Takaful Sakinah Plus

Sijil Induk

(Nombor Sijil Induk: EB100235)

Prudential BSN Takaful Berhad

(Nombor Syarikat 200601020898 (740651-H))

dan

Bank Simpanan Nasional

(Nombor Syarikat 199701031753 (447252-H))

Dengan menyertai pelan takaful ini, dan mengambil kira kepada pembayaran sumbangan oleh BANK SIMPANAN NASIONAL (selepas ini dirujuk sebagai "Pemegang Sijil Induk"), yang beralamat berdaftar di Wisma BSN, 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, kami, PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD (selepas ini dirujuk sebagai "PruBSN"), yang beralamat berdaftar di Aras 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur, sebagai pengendali takaful, bersetuju untuk menyediakan perlindungan takaful kepada Ahli yang Dilindungi yang Layak (sebagaimana yang ditakrifkan di bawah) dan membayar manfaat daripada Dana *Tabarru`* menurut dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Sijil Induk ini.

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa perlindungan di bawah Sijil Induk ini diberikan berasaskan dan bergantung kepada keterangan, pernyataan dan maklumat yang telah diberikan atau akan diberikan kepada PruBSN oleh Pemegang Sijil Induk dan setiap Ahli Yang Dilindungi dan jika sebarang keterangan, pernyataan dan maklumat tersebut didapati palsu atau tidak tepat, PruBSN boleh mengambil tindakan yang perlu mengikut undang-undang semasa untuk menangani salah nyata tersebut.

DI HADAPAN SAKSI, PruBSN telah menyempurnakan Sijil Induk ini dan akan berkuat kuasa menurut terma dan syarat yang terkandung di sini.

WAN SAIFULRIZAL WAN ISMAIL
Ketua Pegawai Eksekutif
PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

Wakil yang Diberi Kuasa
BANK SIMPANAN NASIONAL

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Aras 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur

Telephone 03 2775 7188 customer@prubsn.com.my

JADUAL SIJIL INDUK

Maklumat Pelan

Nama Pelan	BSN Takaful Sakinah Plus
Nombor Sijil Induk	EB100235
Pemegang Sijil Induk	Bank Simpanan Nasional
Ahli yang Dilindungi yang Layak	Pemegang Akaun Simpanan BSN
Tarikh Permulaan	Februari 2025
Manfaat-manfaat Asas	<ul style="list-style-type: none"> • Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan • Manfaat Kematian akibat Kemalangan • Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan • Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan <i>Haji</i> atau <i>Umrah</i> • Manfaat <i>Khairat</i> • Rebat Sumbangan
Jumlah Dilindungi	Rujuk kepada Jadual Manfaat, Jumlah Dilindungi dan Sumbangan berdasarkan Pelan yang Dipilih
Kekerapan Bayaran	Pembayaran sumbangan hendaklah dibuat setiap tahun (sekali sahaja) oleh Ahli yang Dilindungi
Amaun Sumbangan	Rujuk kepada Jadual Manfaat, Jumlah Dilindungi dan Sumbangan berdasarkan Pelan yang Dipilih
Tempoh Perlindungan	Satu (1) tahun dan Diperbaharui sehingga umur Ahli yang Dilindungi mencapai enam puluh (60) tahun

Jadual Manfaat, Jumlah Dilindungi dan Sumbangan berdasarkan Pelan yang Dipilih

Manfaat-Manfaat	Pilihan Pelan			
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
	Ringgit Malaysia (RM)			
Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan*	10,000	15,000	20,000	30,000
Manfaat Kematian akibat Kemalangan	20,000	30,000	40,000	60,000
Manfaat Kematian akibat Kemalangan (Semasa Musim Perayaan atau Semasa Menunaikan <i>Haji</i> atau <i>Umrah</i>)	30,000	45,000	60,000	90,000
Manfaat <i>Khairat</i>	1,500	1,700	2,500	3,500
Rebat Sumbangan	Diskaun serta-merta sebanyak 10% daripada Sumbangan Tahunan Asal semasa pembaharuan sijil dengan pelan yang sama			
Sumbangan Tahunan Asal	65	95	130	190

*Tertakluk kepada Tempoh Menunggu empat (4) bulan daripada Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Aras 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur

Telephone 03 2775 7188

customer@prubsn.com.my

KONTRAK SYARIAH (‘AQAD)

1. Hubungan Kontrak di kalangan Ahli-ahli yang Dilindungi yang menyumbang ke Dana *Tabarru`*.

Dengan ini dipersetujui bahawa penyertaan pelan ini adalah bersama dengan semua Ahli yang Dilindungi yang lain berdasarkan prinsip *Ta'awun* (bantuan bersama). Sumbangan *Tabarru'at* (kebajikan) akan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru`* bersama dengan sumbangan Ahli-ahli yang Dilindungi yang lain untuk menyediakan manfaat bersama yang akan dibayar kepada semua Ahli yang Dilindungi yang layak atau penama-penama mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui berdasarkan manfaat takaful yang dipersetujui di bawah pelan itu.

2. Hubungan Kontrak di antara Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi dengan PruBSN.

- 2.1 *Wakalah*

- 2.1.1 Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi bersetuju untuk melantik dan memberi kuasa kepada PruBSN untuk menguruskan pelan takaful ini dan melaburkan Dana *Tabarru`*. PruBSN diberi kuasa untuk melaksanakan operasi takaful berdasarkan prinsip Syariah, undang-undang dan pengawalseliaan dan juga terma-terma yang dinyatakan.

- 2.1.2 Sebagai pulangan kepada tugas yang dijalankan dan berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, Ahli yang Dilindungi bersetuju untuk membayar Caj *Wakalah* Pendahuluan kepada PruBSN seperti yang ditentukan di bawah Ringkasan Sijil Induk Klausula 5 (5.1). Selain daripada Caj *Wakalah* Pendahuluan, PruBSN juga layak menerima yuran prestasi di atas Lebihan yang Boleh Diagihkan seperti yang dinyatakan di bawah Ringkasan Sijil Induk Klausula 6 (6.3).

- 2.1.3 Apabila keadaan yang dianggap sebagai salah urus, kecuaihan atau pelanggaran istilah tertentu, PruBSN akan menanggung dan hendaklah membayar kerugian atau kerosakan termasuk sebarang kos sebenar yang dialami oleh Pemegang Sijil Induk atau Ahli yang Dilindungi.

- 2.1.4 Kontrak *Wakalah* ini hendaklah dibubarkan apabila penamatan akibat serahan atau sebarang keadaan yang ditentukan di bawah Ringkasan Sijil Induk Klausula 11. PruBSN layak untuk menerima Caj *Wakalah* Pendahuluan bagi perkhidmatan yang diberikan.

MAKLUMAT SIJIL INDUK

Pemegang Sijil Induk patut membaca maklumat-maklumat berikut bersama-sama dengan syarat-syarat yang tertera di dalam Sijil Induk ini.

1. BUKTI UMUR

Umur Ahli Yang Dilindungi akan diterima masuk sebelum memulakan perlindungan selepas pengeluaran bukti dokumentari yang memuaskan yang disediakan oleh Pemegang Sijil Induk dan yang boleh diterima oleh PruBSN.

2. PENAMAAN

Ahli yang Dilindungi boleh memilih siapa yang akan menerima manfaat-manfaat selepas kematian Ahli yang Dilindungi dengan melengkapkan borang penamaan semasa permohonan.

Sekiranya Ahli yang Dilindungi tidak memilih sesiapa, Ahli yang Dilindungi boleh melengkapkan borang penamaan dan hantar ke PruBSN dengan segera.

3. PENUKARAN MAKLUMAT PERIBADI

Bagi memastikan PruBSN dapat memaklumkan Ahli yang Dilindungi tentang maklumat penting, Ahli yang Dilindungi perlu memastikan bahawa PruBSN mempunyai butir-butir perhubungan terkini Ahli yang Dilindungi.

4. TEMPOH RUJUKAN PERCUMA

Ahli yang Dilindungi boleh membatalkan perlindungan takaful dengan memaklumkan secara langsung kepada PruBSN dan menyertakan butiran pengenalan peribadi dalam tempoh lima belas (15) hari daripada Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi. PruBSN akan membayar balik sumbangan yang telah dibuat untuk perlindungan takaful yang berkaitan dengan Ahli yang Dilindungi tersebut.

5. BAYARAN SUMBANGAN

Pemegang Sijil Induk akan memberikan sumbangan Ahli yang Dilindungi melalui pemindahan dana.

Adalah penting untuk menyimpan bukti pembayaran sumbangan bagi rujukan masa hadapan.

6. PENYERAHAN SIJIL INDUK

Pemegang Sijil Induk boleh menyerahkan perlindungan di bawah Sijil Induk ini dengan memberi pemberitahuan bertulis dahulu selama tiga puluh (30) hari secara bertulis kepada PruBSN.

7. PENYERAHAN TUNTUTAN

Untuk membuat tuntutan, pemberitahuan bertulis perlu diterima PruBSN ke alamat di bawah dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kejadian/peristiwa. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh masa yang ditetapkan tidak akan membatalkan tuntutan sekiranya terdapat penjelasan munasabah menunjukkan notis tidak dapat diserahkan dan notis telah diberi seawal dan seupaya yang mungkin selepas tamat tempoh masa tersebut.

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Aras 13, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur.

Apabila tuntutan dibuat, penuntut atau penama(-penama) yang sepatutnya perlu menyerahkan dokumen-dokumen berkenaan yang lengkap kepada PruBSN untuk memproses tuntutan.

8. **KHIDMAT PELANGGAN**

Jika Ahli yang Dilindungi mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan perlindungan takaful di bawah Sijil Induk ini, Pemegang Sijil Induk hendaklah mengarahkan Ahli Yang Dilindungi untuk menghubungi PruBSN melalui saluran berikut:

Cawangan

Cawangan-cawangan PruBSN beroperasi dari jam 8:45 pagi hingga 4:15 petang dari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum).

Panggilan

Talian **Khidmat Pelanggan** PruBSN di **03 2775 7188** pada waktu pejabat (8:30 pagi hingga 5:15 petang dari Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum).

Surat menyurat dan E-mel

Tulis kepada PruBSN di alamat:

Khidmat Pelanggan

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)
Aras 13, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur.

E-mel: customer@prubsn.com.my

9. **PERKHIDMATAN OMBUDSMAN PASARAN KEWANGAN DAN BANK NEGARA MALAYSIA LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT (BNMLINK)**

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan dan Bank Negara Malaysia Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) telah ditubuhkan untuk memberi perlindungan kepada pelanggan dan membantu Ahli yang Dilindungi untuk menyelesaikan sebarang perselisihan mengenai tuntutan.

Sekiranya Pemegang Sijil Induk atau Ahli yang Dilindungi mempunyai aduan, atau tidak berpuas hati dengan sesuatu keputusan yang dibuat PruBSN, anda boleh dirujuk kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan dan/ atau BNMLINK untuk:

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan

(dahulu dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)

Tingkat 14, Blok Utama,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

50000 Kuala Lumpur.

Tel: +603-2272 2811

Laman web: www.fmos.org.my

Pengarah

BNMLINK

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB,

No. 10, Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465 atau +603-2174-1717 (untuk panggilan luar negara)

Fax: +603-2174-1515

Laman web: bnmlink.bnm.gov.my

PERUNTUKAN AM**1. KAWASAN GEOGRAFI**

1.1. Semua manfaat yang disediakan di dalam Sijil Induk ini adalah diguna pakai di seluruh dunia.

2. MATA WANG

2.1. Semua bayaran di bawah Sijil Induk ini adalah di dalam Ringgit Malaysia.

3. UNDANG-UNDANG

3.1. Sijil Induk ini dan hak-hak, tanggungjawab dan liabiliti menurut Sijil Induk ini adalah tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan pengawalseliaan yang kini berkuat kuasa di Malaysia dan undang-undang, peraturan dan pengawalseliaan tersebut adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang pekeliling, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan pada masa kini atau selepas ini oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

3.2. Sijil Induk ini harus ditadbir dan ditafsir berdasarkan keperluan Syariah.

3.3. Pihak-pihak berkenaan hendaklah tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-Mahkamah di Malaysia.

4. PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PEMBIAYAAN SEMULA TERORISME

4.1. Sekiranya PruBSN mendapati bahawa seseorang yang berkaitan dengan Pemegang Sijil Induk, adalah atau telah merupakan orang yang dilarang atau pihak berkaitan dengan orang yang dilarang yang tertakluk kepada sekatan oleh mana-mana undang-undang dan/atau peraturan, yang ditadbir oleh mana-mana kerajaan, pengawalseliaan atau pihak berkuasa, atau penguatkuasaan undang-undang di mana-mana negara; PruBSN boleh membatalkan dan/atau menamatkan Sijil Induk serta-merta atau dari permulaan. Sama juga, jika PruBSN mempunyai syak wasangka yang wajar bahawa Sijil Induk ini dieksploitasi untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membiayai terorisme atau sebarang aktiviti yang salah di sisi undang-undang; PruBSN boleh membatalkan dan/atau menamatkan Sijil Induk serta-merta atau dari permulaan. Tertakluk kepada semua undang-undang terpakai dan/atau pengawalseliaan, PruBSN tidak boleh diminta untuk melakukan sebarang transaksi perniagaan dengan Pemegang Sijil Induk yang berkaitan dengan Pemegang Sijil, termasuk tetapi tidak terhad kepada, membuat atau menerima pembayaran di bawah Sijil Induk atau cadangan yang dikemukakan.

5. CUKAI

5.1. Cukai boleh dikenakan atau dinaikkan pada bila-bila masa ke atas mana-mana sumbangan, caj atau bayaran lain yang perlu dibayar untuk Sijil Induk ini di bawah undang-undang Malaysia. Sekiranya cukai dikenakan untuk Sijil Induk ini, Pemegang Sijil Induk hendaklah membayar cukai pada kadar semasa yang berkaitan.

5.2. Tanggungjawab Pemegang Sijil Induk untuk membayar cukai-cukai akan menjadi sebahagian daripada terma dan syarat Sijil Induk ini.

6. PENIPUAN DAN SALAH NYATA

- 6.1. Kecuali untuk pengecualian yang dinyatakan dalam Sijil Induk ini, kesahihan perlindungan di bawah Sijil Induk ini tidak boleh dipertikaikan oleh PruBSN selepas tempoh (2) tahun dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi.
- 6.2. Sekiranya perlindungan takaful telah berkuatkuasa untuk tempoh lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi, ia tidak akan dielakkan oleh PruBSN atas alasan penyata yang dibuat atau ditinggalkan dalam dokumen yang membawa kepada perlindungan takaful Ahli Yang Dilindungi yang dianggap sebagai tidak tepat atau palsu atau mengelirukan. Walaubagaimanapun, perlindungan takaful Ahli yang Dilindungi mungkin boleh dielak sekiranya PruBSN dapat menunjukkan bahawa pernyataan tersebut adalah untuk perkara-perkara penting atau Ahli yang Dilindungi telah menyelindungi Fakta Penting dan ia dibuat atau sengaja ditinggalkan dengan niat untuk menipu.
- 6.3. Untuk mengelakkan keraguan, “Fakta Penting” bermaksud sebarang fakta di mana, jika didapati, boleh menyebabkan PruBSN enggan menyediakan perlindungan takaful kepada Ahli yang Dilindungi.
- 6.4. Sekiranya berlakunya salah nyataan di mana perlindungan takaful untuk Ahli Yang Dilindungi telah berkuat kuasa untuk tempoh dua (2) tahun atau kurang, ia akan diambil tindakan sewajarnya mengikut Jadual 9 dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang mana ia boleh mengakibatkan perlindungan takaful Ahli yang Dilindungi dibatalkan dan kesemua tuntutan ditolak atau mana-mana penyelesaian lain yang dianggap sesuai berdasarkan salah nyata tersebut.

7. TAFSIRAN

- 7.1. Di dalam Sijil Induk ini, tajuk-tajuk yang dimasukkan adalah untuk tujuan memudahkan sahaja dan tidak menjejaskan tafsiran Sijil Induk ini dan perkataan yang bermaksud tunggal adalah juga bermaksud jamak dan sebaliknya.
- 7.2. Setiap peruntukan di dalam Sijil Induk ini boleh dipisahkan dan diasingkan daripada yang lain dan sekiranya satu peruntukan atau lebih menjadi tidak sah, terbatal atau salah dari segi undang-undang, penguatkuasaan peruntukan yang lain di dalam Sijil Induk ini tidak akan terjejas atau mansuh disebabkan.

8. PERUBAHAN DAN PEMBERITAHUAN**8.1. Pemberitahuan**

- 8.1.1. Semua pemberitahuan di bawah Sijil Induk ini dan kepada PruBSN mestilah secara bertulis dan akan diserahkan selengkapnya kepada kedua-dua pihak.
- 8.1.2. Sebarang pemberitahuan yang dihantar melalui pos akan dianggap telah diterima tiga (3) hari perniagaan selepas dipos, tidak kira sama ada ia sebenarnya diterima atau tidak.

- 8.1.3. Salah satu pihak bagi Sijil Induk ini boleh memberikan pemberitahuan kepada satu pihak yang lain melalui e-mel, mesej teks atau mana-mana kaedah lain. Jika notis dihantar melalui e-mel atau mesej teks, ia dianggap telah disampaikan pada hari perniagaan yang berikutnya setelah dihantar.
- 8.1.4. Bagi pemberitahuan umum, pemberitahuan tersebut dianggap mencukupi sekiranya pemberitahuan itu dibuat melalui paparan di dalam dua (2) surat khabar utama atau melalui laman web PruBSN.

8.2. Perubahan Terhadap Sijil Induk

- 8.2.1. PruBSN berhak mengubah mana-mana peruntukan di dalam Sijil Induk ini, yang mungkin diperlukan oleh sebarang perundangan, pengawalseliaan, peraturan atau polisi-polisi oleh undang-undang Malaysia yang ditetapkan oleh sebarang badan penguatkuasaan berkenaan di mana pemberitahuan yang sama mungkin akan diberikan melalui pemberitahuan umum.
- 8.2.2. Bagi perubahan yang tidak termasuk di dalam Klausula 8.2.1, PruBSN hanya akan membuat perubahan selepas mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Pemegang Sijil Induk.

9. PERUBAHAN ATAU PINDAAN

- 9.1. Tiada perubahan atau pindaan kepada Sijil Induk adalah sah melainkan jika dibuktikan dengan pengendorsan yang ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh PruBSN dan pegawai berkuasa bagi pihak Pemegang Sijil Induk.

****PERUNTUKAN AM TAMAT****

PERUNTUKAN – PERUNTUKAN ASAS**1. DEFINISI**

Dalam Sijil Induk ini, perkataan-perkataan dan ungkapan yang digunakan adalah seperti yang ditakrifkan di bawah.

- 1.1. **Kemalangan** – bermaksud tindakan yang disebabkan oleh sumber-sumber luaran dan boleh dilihat, diakibatkan secara langsung dan tidak bergantung kepada sebab-sebab lain yang berlaku secara mengejut, tidak sengaja, di luar jangkaan, luar biasa dan peristiwa tertentu yang berlaku pada tarikh, masa dan tempat yang dikenalpasti.
- 1.2. **Umur** – bermaksud umur pada hari lahir akan datang.
- 1.3. **Tarikh Pembaharuan Sijil Tahunan** – bermaksud tarikh yang sama setiap tahun seperti Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi.
- 1.4. **Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi** – bermaksud tarikh berkuatkuasa perlindungan takaful untuk setiap Ahli yang Dilindungi.
- 1.5. **Diagnosis** – bermaksud sesuatu diagnosis sahih yang dibuat oleh Doktor berdasarkan kepada bukti khusus yang telah PruBSN nyatakan untuk penyakit khusus atau berdasarkan bukti radiologi, klinikal dan histologi atau bukti makmal yang PruBSN terima.

Sekiranya terdapat sebarang keraguan mengenai Diagnosis tersebut, PruBSN boleh meminta pemeriksaan dijalankan ke atas Ahli yang Dilindungi atau bukti yang digunakan dalam mendapatkan diagnosis tersebut oleh seorang pakar yang adil dan diperakui dalam bidang perubatan berkenaan dan pandangan pakar itu terhadap Diagnosis tersebut akan dikira terikat di antara Pemegang Sijil Induk atau Ahli yang Dilindungi dengan PruBSN.

- 1.6. **Lebih Yang Boleh Diagihkan** – bermaksud lebih yang tinggal, termasuk keuntungan pelaburan daripada Dana *Tabarru'*, selepas pembayaran tuntutan dan rizab. Lebih (jika ada) adalah dihitung dan diagihkan setiap tahun kepada Ahli yang Dilindungi.
- 1.7. **Doktor atau Pakar Perubatan** – bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang bertauliah dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat/berdasarkan bukti. Semasa memberikan rawatan, Doktor ini mesti mengamalkannya mengikut skop perlesenan dan latihan mereka. Doktor atau pengamal perubatan ini tidak termasuk Pemegang Sijil Induk, Ahli yang Dilindungi, atau pasangan Ahli yang Dilindungi atau saudara-mara terdekat.
- 1.8. **Musim Perayaan** – bermaksud perayaan-perayaan yang berikut:
 - i. Hari Pertama dan Kedua Hari Raya Aidilfitri;
 - ii. Hari Pertama dan Kedua Tahun Baru Cina;
 - iii. Hari Pertama Deepavali;
 - iv. Hari Pertama Krismas;
 - v. Hari Pertama dan Kedua Hari Gawai;
 - vi. Hari Pertama dan Kedua Pesta Kaamatan; dan
 - vii. Dua (2) hari sebelum dan selepas perayaan yang disebutkan di atas.

- 1.9. **Sempadan Antarabangsa** – bermaksud had sempadan di mana Ahli yang Dilindungi melintasi pemeriksaan Pasport Imigresen semasa dalam perjalanan ke Arab Saudi atau pulang dari Arab Saudi untuk tujuan *Haji* atau *Umrah*.
- 1.10. **Sumbangan Tahunan Asal** – bermaksud amaun yang disumbang oleh Ahli yang Dilindungi pada Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi.
- 1.11. **Jumlah Dilindungi** – bermaksud amaun manfaat yang akan dibayar apabila tuntutan dibuat dan dibayar daripada Dana *Tabarru`*.
- 1.12. **Potongan *Tabarru`*** - bermaksud sumbangan sukarela daripada bahagian tertentu ke dalam Dana *Tabarru`* semasa Tempoh Perlindungan berdasarkan konsep *Ta'awun*. PruBSN boleh mengubah kadar penolakan *Tabarru`* dengan memberi pemberitahuan selama tiga puluh (30) hari terlebih dahulu kepada Ahli yang Dilindungi.
- 1.13. **Dana *Tabarru`*** - bermaksud dana yang dipunyai oleh Ahli yang Dilindungi di mana Potongan *Tabarru`* disumbangkan dan dikumpulkan bersama. Dana ini digunakan untuk membayar manfaat-manfaat yang telah dipersetujui di bawah pelan ini di atas prinsip bantuan dan pertolongan bersama.
- 1.14. **Caj *Wakalah* Pendahuluan** – bermaksud sebarang caj yang Ahli yang Dilindungi bayar kepada PruBSN untuk perkhidmatan yang diberikan.
- 1.15. **Tempoh Menunggu** – jumlah hari tertentu di mana tiada manfaat akan dibayar. Tempoh Menunggu hendaklah digunakan untuk perniagaan baharu dan jika pembaharuan dibuat selepas tempoh tangguh daripada tamat perlindungan takaful di bawah Sijil Induk ini yang berkenaan dengan Ahli Yang Dilindungi.

2. SIJIL INDUK INI

- 2.1. PruBSN menyediakan manfaat di bawah Sijil Induk ini berdasarkan sumbangan yang dibayar oleh Ahli yang Dilindungi kepada PruBSN menerusi Pemegang Sijil Induk seperti yang ditetapkan oleh PruBSN.
- 2.2. Semua perlindungan takaful di bawah Sijil Induk ini diberikan bergantung kepada semua maklumat yang telah diberikan kepada PruBSN daripada Pemegang Sijil Induk.

3. KELAYAKAN

- 3.1. Orang yang layak untuk mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil ini dirujuk sebagai Ahli yang Dilindungi.
- 3.2. Umur penyertaan Ahli yang Dilindungi mestilah sekurang-kurangnya sembilan belas (19) tahun tetapi tidak melebihi enam puluh (60) tahun.
- 3.3. Perlindungan Takaful bagi Ahli yang Dilindungi di bawah Sijil ini akan bermula pada Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi.

- 3.4. Pemegang Sijil Induk akan menyimpan dan menyelenggarakan rekod berkaitan setiap Ahli yang Dilindungi dan rekod tersebut akan mengandungi maklumat nama dan Nombor Kad Pengenalan (IC) Ahli yang Dilindungi yang diperlukan oleh PruBSN.
- 3.5. PruBSN akan mengambil kira Pemegang Sijil Induk sebagai pemilik Sijil Induk ini tetapi Ahli yang Dilindungi masih memegang tanggungjawab, risiko dan hak khusus seperti yang ditetapkan di bawah Ringkasan Sijil Induk (yang merupakan ringkasan daripada Sijil Induk), atau penyata maklumat yang dikeluarkan oleh PruBSN kepada Ahli yang Dilindungi.

4. SUMBANGAN

- 4.1. Sumbangan untuk perlindungan takaful akan dibayar oleh Ahli yang Dilindungi dan jumlah sumbangan yang perlu dibayar adalah seperti di dalam Jadual Ringkasan Sijil Induk.
- 4.2. Tempoh penangguhan selama tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Pembaharuan Sijil Tahunan adalah dibenarkan untuk Ahli yang Dilindungi bagi pembayaran sumbangan di mana perlindungan takaful terus Berkuat kuasa. Sekiranya sumbangan tidak dibayar sebelum tarikh tamat tempoh penangguhan, perlindungan takaful di bawah Sijil ini akan ditamatkan secara automatik pada tarikh tamat tempoh penangguhan.
- 4.3. PruBSN boleh menyemak semula jumlah sumbangan, kadar potongan *Tabarru`* dan/atau Caj *Wakalah* Pendahuluan dengan memberi notis tiga puluh (30) hari kepada Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi. Semakan semula jumlah sumbangan, kadar potongan *Tabarru`* dan/atau Caj *Wakalah* Pendahuluan akan Berkuat kuasa pada Tarikh Pembaharuan Sijil Tahunan seterusnya.

5. CAJ WAKALAH PENDAHULUAN

- 5.1. PruBSN layak menerima tiga puluh lima peratus (35%) daripada setiap sumbangan sebagai Caj *Wakalah* Pendahuluan.
- 5.2. Semasa pembaharuan, 10% daripada Sumbangan Tahunan Asal akan dikecualikan oleh PruBSN.
- 5.3. Caj *Wakalah* Pendahuluan dibayar adalah merupakan sebahagian daripada sumbangan yang patut dibayar, tidak akan dipulangkan semasa penamatan seperti yang dinyatakan bawah Klausula 11.

6. DANA TABARRU`

- 6.1. PruBSN akan menyediakan Dana *Tabarru`* untuk pembayaran manfaat di bawah pelan ini. Semua kos, perbelanjaan, caj dan levi untuk mengekalkan aset atau wang Dana *Tabarru`* dan apa-apa perbelanjaan lain yang berkaitan akan ditanggung dan dibayar daripada Dana *Tabarru`*.

- 6.2. PruBSN akan memperuntukkan sumbangan yang dibayar, ditolak sebarang Caj *Wakalah* Pendahuluan, ke dalam Dana *Tabarru`*.
- 6.3. Lima puluh peratus (50%) daripada Lebihan Yang Boleh Diagihkan yang terhasil daripada Dana *Tabarru`* (jika ada) akan dikongsi bersama dengan Ahli yang Dilindungi. PruBSN akan mengira Lebihan Yang Boleh Diagihkan untuk setiap Ahli yang Dilindungi dan kredit ke dalam akaun bank Ahli yang Dilindungi. Baki sebanyak lima puluh peratus (50%) akan diberikan kepada PruBSN sebagai yuran prestasi kerana mengurus Dana *Tabarru`*. Amaun sebenar Lebihan Yang Boleh Diagihkan akan ditentukan setiap tahun dan tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
- 6.4. Sekiranya terdapat defisit daripada Dana *Tabarru`*, PruBSN tidak akan membayar sebarang Lebihan Yang Boleh Diagihkan pada tahun kewangan tersebut. PruBSN akan menguruskan kerugian tersebut dengan menggunakan pinjaman tanpa faedah (*Qard*) untuk menampung kerugian. PruBSN akan membawa ke hadapan pinjaman tersebut ke tahun kewangan berikutnya dan mungkin akan menggunakan sebarang lebihan pada masa hadapan untuk membayar balik pinjaman tanpa faedah tersebut. PruBSN akan membayar baki Lebihan (jika ada) berdasarkan Klausula 6.3 di atas.

7. TEMPOH RUJUKAN PERCUMA

- 7.1. Ahli yang Dilindungi boleh membatalkan perlindungan takaful dengan memaklumkan terus kepada PruBSN dengan memberikan butiran maklumat peribadi dalam tempoh lima belas (15) hari daripada Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi. PruBSN akan membayar balik sumbangan yang telah dibuat untuk perlindungan takaful yang berkenaan kepada Ahli yang Dilindungi.

8. SERAHAN

- 8.1 PruBSN boleh membatalkan pelan dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari sebelum tarikh tamat tempoh Sijil terlebih dahulu.
- 8.2 Ahli yang Dilindungi boleh menyerahkan Sijil selepas tempoh rujukan percuma, walaubagaimanapun, tiada nilai serahan akan dibayar dan sumbangan yang telah dibayar tidak akan dikembalikan semula. PruBSN akan memberikan perlindungan sehingga tamat tempoh Sijil. Sebarang permohonan untuk serahan yang dibuat dalam tempoh perlindungan tersebut adalah dianggap sebagai pengesahan untuk tidak memperbaharui Sijil pada tamat tempoh tahunan.

9. TUNTUTAN-TUNTUTAN

- 9.1. PruBSN tidak akan membayar manfaat di bawah Sijil Induk ini kecuali:
 - 9.1.1. Ahli yang Dilindungi telah menyerahkan semua dokumen dan maklumat yang diminta oleh PruBSN secepat yang mungkin (Ahli yang Dilindungi harus

menanggung sebarang kos yang terlibat dalam menyediakan dokumen-dokumen tersebut).

- 9.1.2. Tuntutan untuk manfaat tersebut berserta semua dokumen dan maklumat yang berkenaan yang diperlukan oleh PruBSN diserahkan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh berlakunya peristiwa yang membolehkan tuntutan itu.
- 9.2. Manfaat yang akan dibayar di bawah Sijil ini akan dibayar dalam lima (5) hari bekerja daripada tarikh pemberitahuan tuntutan setelah menerima semua dokumen yang diminta oleh PruBSN untuk proses tuntutan. Setelah bayaran penuh manfaat telah dibuat, liabiliti PruBSN berkaitan dengan perlindungan bagi Ahli yang Dilindungi akan terhenti.
- 9.3. Pembayaran manfaat akan dibuat secara langsung oleh PruBSN kepada penama(-penama) atau penuntut Ahli yang Dilindungi yang sepatutnya.

10. PEMBAHARUAN SIJIL

- 10.1. Perlindungan takaful untuk Ahli yang Dilindungi di bawah Sijil ini diperbaharui secara automatik pada setiap Tarikh Pembaharuan Tahunan Sijil Ahli yang Dilindungi dengan amaun manfaat yang sama asalkan Sumbangan dibayar mengikut Klausula 4.
- 10.2. Ahli yang Dilindungi yang tidak mahu memperbaharui perlindungan takaful di bawah Sijil ini perlu memaklumkan atau menulis kepada Pemegang Sijil Induk atau PruBSN sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum akhir Tempoh Perlindungan.

11. PENAMATAN

11.1. Penamatan perlindungan takaful bagi Ahli yang Dilindungi

11.1.1. Perlindungan Takaful di bawah Sijil Induk ini bagi Ahli yang Dilindungi akan tamat serta-merta:

- i. apabila Ahli yang Dilindungi meninggal dunia; atau
- ii. apabila Tarikh Pembaharuan Tahunan Sijil pada hari lahir ke-enam puluh satu (61) Ahli yang Dilindungi; atau
- iii. apabila tiada pembayaran sumbangan dibuat sebelum tamatnya tempoh penangguhan;

untuk yang mana-mana berlaku terlebih dahulu.

11.1.2. Perlindungan takaful di bawah Sijil ini bagi Ahli yang Dilindungi akan ditamatkan pada akhir tempoh tahunan:

- i. apabila menerima arahan bertulis daripada Ahli yang Dilindungi untuk menamatkan / membuat serahan perlindungan takaful; atau

ii. apabila menerima arahan bertulis daripada Pemegang Sijil Induk untuk menamatkan perlindungan takaful bagi Ahli yang Dilindungi;

iii. apabila berlaku penamatan Sijil Induk;

untuk yang mana-mana berlaku terlebih dahulu.

11.2. Penamatan Sijil Induk ini

11.2.1. Satu pihak bagi Sijil Induk ini boleh menamatkan Sijil Induk ini dengan memberikan notis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari lebih awal kepada satu pihak lagi bagi Sijil Induk ini.

11.2.2. PruBSN boleh menamatkan Sijil Induk ini dengan memberi pemberitahuan tiga puluh (30) hari terlebih dahulu.

11.2.3. Penamatan Sijil Induk ini tidak akan memberikan kesan terhadap mana-mana tuntutan yang berlaku sebelum penamatan.

12. MANFAAT-MANFAAT

12.1. **Manfaat Kematian**

12.1.1. Hanya satu daripada manfaat-manfaat di bawah akan dibayar sekiranya berlaku sama ada: -

- (a) Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan; atau
- (b) Manfaat Kematian akibat Kemalangan; atau
- (c) Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan; atau
- (d) Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah*; yang mana lebih tinggi.

12.1.2. Amaun sekaligus perlu dibayar sekiranya berlaku kematian Ahli yang Dilindungi seperti di bawah, tertakluk kepada pengecualian yang dibutirkan di dalam Klausula 13:

(a) Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan

Sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia disebabkan kematian bukan kemalangan sementara Ahli yang Dilindungi mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil ini, PruBSN akan membayar Jumlah Dilindungi untuk Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan, tertakluk kepada peruntukan berikut:

- i. Sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi adalah secara bukan kemalangan dan berlaku dalam tempoh empat (4) bulan dari Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi, Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan tidak akan dibayar.

- ii. Sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi adalah secara bukan kemalangan dalam tempoh tempoh tiga puluh (30) hari, Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan akan dibayar daripada Dana *Tabarru'* kepada penama(-penama) atau pihak menuntut yang sewajarnya, setelah ditolak sumbangan berdasarkan pelan yang dipilih.

(b) Manfaat Kematian akibat Kemalangan

Sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh Kemalangan sementara Ahli yang Dilindungi mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil ini, PruBSN akan membayar Jumlah Dilindungi untuk Manfaat Kematian akibat Kemalangan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ringkasan Sijil Induk dari Dana *Tabarru'*.

(c) Kematian akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan

Sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh Kemalangan semasa Musim Perayaan sementara Ahli yang Dilindungi mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil ini, PruBSN akan membayar Jumlah Dilindungi untuk Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ringkasan Sijil Induk dari Dana *Tabarru'*.

(d) Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah*

Sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh Kemalangan semasa menunaikan *Haji* atau *Umrah* sementara Ahli yang Dilindungi mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil ini, PruBSN akan membayar Jumlah Dilindungi untuk Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah* seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ringkasan Sijil Induk dari Dana *Tabarru'* tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Tempoh perlindungan akan menjadi tempoh sebenar perjalanan sehingga empat puluh lima (45) hari untuk *Haji* dan lima belas (15) hari untuk *Umrah*.
- ii. Perlindungan bermula apabila Ahli yang Dilindungi melepasi imigresen ke Arab Saudi dan berakhir apabila Ahli yang Dilindungi melepasi imigresen di destinasi di mana Ahli yang Dilindungi bertolak dari Arab Saudi.
- iii. Manfaat ini akan diberi untuk tujuan *Haji* atau *Umrah* sahaja. Manfaat ini tidak akan memberikan perlindungan semasa *Ziarah* ataupun pelancongan, sekiranya Ahli yang Dilindungi menunaikan *Ziarah* ataupun melancong keluar dari Arab Saudi semasa tempoh *Haji* atau *Umrah*.

(e) Manfaat *Khairat*

Sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh apa-apa sebab sementara Ahli yang Dilindungi mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil ini, PruBSN akan membayar Jumlah Dilindungi untuk Manfaat *Khairat* sebagai bayaran sekali gus tambahan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ringkasan Sijil Induk dari Dana *Tabarru`*. Manfaat ini adalah untuk menampung perbelanjaan pengebumian Ahli Yang Dilindungi.

Manfaat ini dibayar sekali untuk setiap Ahli yang Dilindungi untuk setiap produk.

Manfaat ini akan dibayar dahulu selagi pihak yang menuntut menyerahkan Sijil kematian dan/atau bukti lain yang memuaskan kepada PruBSN tanpa perlu memproses tuntutan kematian terlebih dahulu. Penerimaan manfaat ini tidak menjamin bahawa Manfaat Kematian akan dibayar.

12.2. Rebat Sumbangan

Sekiranya Ahli yang Dilindungi memperbaharui sijil pada akhir Tempoh Perlindungan, Ahli yang Dilindungi akan berhak untuk Rebat Sumbangan yang dinyatakan dalam Jadual Ringkasan Sijil Induk.

Manfaat ini hanya untuk pelan yang sama semasa pembaharuan. Apabila menggunakan manfaat ini, 10% daripada Sumbangan Tahunan Asal akan dikecualikan oleh PruBSN.

13. PENGECUALIAN-PENGECUALIAN**12.1 Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan**

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan sekiranya:

- (a) kematian Ahli yang Dilindungi disebabkan oleh perbuatan membunuh diri sama ada semasa waras atau tidak waras dalam tempoh 12 bulan dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi atau tarikh pengendorsan; atau
- (b) Ahli yang Dilindungi meninggal dunia secara bukan akibat kemalangan dalam tempoh 4 bulan Tempoh Menunggu dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi.

12.2 Manfaat Kematian akibat Kemalangan, Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Tempoh Perayaan dan Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah*

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian akibat Kemalangan, Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan dan Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah* jika ketika waktu kematian, mana-mana kejadian berikut yang melibatkan Ahli yang Dilindungi berlaku:

- (a) mengambil dadah atau narkotik selain daripada yang ditetapkan untuk perubatan oleh Doktor atau Pakar Perubatan;

- (b) pengaruh atau penyalahgunaan dadah atau narkotik atau alkohol atau penyalahgunaan stimulator;
- (c) kemabukan dadah atau narkotik atau alkohol; atau
- (d) memandu kenderaan atau menunggang motosikal di bawah umur minimum yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan, atau memandu atau menunggang tanpa lesen memandu yang sah yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian akibat Kemalangan, Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan dan Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah* sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh salah satu (1) daripada yang tersebut:

- (a) peperangan atau sebarang tindakan peperangan atau penaklukan atau tindakan keganasan musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi, kebangkitan kuasa atau ketenteraan atau rampasan kuasa, pengambilan bahagian secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam;
- (b) mana-mana pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penahanan;
- (c) percubaan melakukan kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas atau melakukan apa-apa kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas;
- (d) bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri semasa waras atau tidak waras;
- (e) kehamilan, kehamilan sekarang dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan;
- (f) penglibatan atau mengambil bahagian dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan Kami memberi persetujuan melalui endorsan khas; atau
- (g) apa-apa bentuk sakit atau penyakit disebabkan oleh sebab-sebab yang tidak disengajakan.

****PERUNTUKAN-PERUNTUKAN ASAS TAMAT****